



Berbudi kepada Alam

Sistem Bahasa (Kertas 1)

Bahagian A

Pilih ayat yang menggunakan perkataan berhuruf condong dengan betul.

- | | |
|--|---|
| <p>I I Kain baju kurung adik agak <i>sempit</i> kerana ayah terbeli saiz yang kecil.</p> <p>II Integrasi kaum tidak akan tercapai sekiranya rakyat masih berfikiran <i>sempit</i> dan ekstrem terhadap kaum tertentu.</p> <p>III Keadaan kewangan rakyat semakin <i>sempit</i> akibat daripada pandemik COVID-19 yang melanda negara.</p> <p>IV Bekas berisi biskut itu tidak dapat dibuka kerana penutupnya yang sangat <i>sempit</i>.</p> <p>A I dan II sahaja</p> <p>B III dan IV sahaja</p> <p>C I, II dan III sahaja</p> <p>D II, III dan IV sahaja</p> | <p>2 I Sabun pencuci yang digunakan untuk mencuci baju itu <i>tajam</i> sehingga melukakan tangan adik.</p> <p>II Pandangan mata Arif yang <i>tajam</i> menyebabkan Anita takut untuk bertentang mata.</p> <p>III Tindakan <i>tajam</i> yang dilakukan oleh polis telah berjaya memberkas banduan yang lari dari penjara.</p> <p>IV Pendapat yang <i>tajam</i> daripada Tok Penghulu dipersetujui oleh penduduk kampung.</p> <p>A I dan II sahaja C I, II dan III sahaja</p> <p>B III dan IV sahaja D II, III dan IV sahaja</p> |
|--|---|

Bahagian B

Dalam petikan prosa di bawah, terdapat lima kesalahan bahasa. Kenal pasti kesalahan tersebut dan tulis jawapan yang betul pada ruang jawapan yang disediakan. Anda tidak perlu menyalin semula ayat tersebut.

Pak Usop mencari-cari kelibat isterinya dan ternampak Mak Yang yang sedang leka menyiram air ke pokok-pokok tanaman di belakang rumah. Pak Usop menyergah Mak Yang menyebabkan isterinya itu terkejut lalu melatah. Berdekah-dekah Pak Usop melihat telatah Mak Yang.

“Awaklah orang yang paling rajin sekali. Tiap hari awak menyiram pokok-pokok itu,” puji Pak Usop.

“Pokok-pokok ini perlu dijaga dan disiram supaya dapat keluar hasilnya,” balas Mak Yang.

Pak Usop mengangguk-anggukan kepala tanda setuju. Dia turut membantu isterinya membuat pagar agar tanaman itu tidak dimakan oleh binatang dan dapat tumbuh subur agar mereka dapat menikmati hasil berbudi pada tanah.

- (i) _____
- (ii) _____
- (iii) _____
- (iv) _____
- (v) _____